

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 10.6.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan insentif diskaun dan langkah-langkah bagi mengecualikan peminjam PTPTN daripada membayar semula hutang PTPTN, statistik tahunan bagi kutipan pembayaran balik pinjaman PTPTN dan jumlah masih tertunggak semenjak tahun 2010 serta jumlah peminjam PTPTN terkini yang disenarai hitam oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha bagi menggalakkan peminjam membuat bayaran balik ialah insentif diskaun bayaran balik pembiayaan kepada peminjam PTPTN sebanyak 20% kepada peminjam yang membuat penyelesaian secara sekali gus dalam tempoh 10 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015. Manakala rebat 10% diberikan kepada peminjam sekiranya membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut atau 12 bulan ke hadapan mengikut Jadual Bayaran Balik sehingga 31 Disember 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh tersebut sehingga kini seramai 39,239 peminjam yang telah dilaraskan akaun

pembiayaannya diberi diskaun 20% kerana telah membuat penyelesaian pinjaman secara sekali gus. Jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM348.46 juta dengan pemberian diskaun kepada peminjam berjumlah RM87.12 juta. Manakala dalam tempoh yang sama bagi insentif rebat 10% pula, sebanyak RM331.45 juta telah diterima daripada 119,954 peminjam melibatkan jumlah rebat sebanyak RM33.15 juta.

Bagi peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, mereka boleh memohon pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN, iaitu dengan melengkapkan dokumen berikut:

- (i) Mengisi Borang Akuan Penerima Biaya yang boleh dimuat turun di Portal PTPTN;
- (ii) Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan;
- (iii) Salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan;
- (iv) Bagi peminjam IPTS, salinan Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA; dan
- (v) Surat pengesahan Kelas Pertama (jika tidak dicatatkan perkataan "Kelas Pertama" pada Ijazah).

Sehingga 31 Mac 2015 seramai 1,716,475 peminjam perlu membayar balik pinjaman berjumlah RM13.32 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,110,790 (64.71%) peminjam telah mula membayar balik pinjaman dengan amaun kutipan sebanyak RM6.24 bilion (46.86%). Bilangan peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik ialah seramai 605,685 peminjam yang melibatkan amaun tertunggak

berjumlah RM4.70 bilion. Dalam tempoh yang sama, seramai 84,308 peminjam telah disenarai hitam daripada meninggalkan negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia.

RJM77